

U 8993 DEB

MAHATHIR - AKAL

NIBONG TEBAL, 3 OGOS BERNAMA: -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA RAKYAT HENDAKLAH MENGGUNAKAN AKAL FIKIRAN UNTUK Mencari jalan bagi menimba kekayaan dengan mengeksploit sepenuhnya sumber-sumber yang ada pada mereka.

Katanya, walaupun sumber itu kelihatan tidak berfaedah ianya hendaklah diusahakan dengan menggunakan akal, tenaga dan keupayaan mereka supaya mendatangkan hasil kerana apa yang dikurniakan oleh Tuhan sudah tentu mempunyai hikmahnya.

+ Kalau kita hanya duduk saja, sedih hingga mengalir air mata mengenangkan nasib kita yang miskin, apakah mungkin kita mendapat kekayaan?+ Katanya semasa berucap kepada lebih 5,000 orang ketika melawat projek pembangunan tanah bersepadu Sungai Chena'Am di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, kalau mereka tidak boleh berfikir atau tidak mempunyai pelajaran mereka hendaklah mencari orang-orang yang terpelajar dan mempunyai ilmu di kalangan mereka yang boleh memberikan buah fikiran.

Beliau berkata, rakyat hendaklah bertanya diri mereka sendiri adakah mereka benar-benar berusaha sepenuhnya untuk memisahkan diri mereka daripada belenggu kemiskinan. -- LAGI
1418MST 03 08 85

MAHATHIR - AKAL 2 PULAU PINANG

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata beliau yakin memang ada cara-cara yang boleh menolong rakyat mencari kekayaan asalkan mereka berusaha memikirkannya.

Menurut beliau, adalah tidak penting sekiranya sumber yang ada pada mereka itu tidak sesuai tetapi apa yang lebih penting ialah mereka berusaha memeras kekayaan daripada sumber itu.

Beliau berkata, dulu memang tidak sesiapa terfikir bahawa kayu getah boleh digunakan untuk perkara lain selain dijadikan kayu api dan arang. Tetapi kini, kayu getah boleh diperbuat perabot yang cantik,+ katanya.

Katanya, ada sesetengah negara yang mempunyai kawasan batu dan tidak sesuai untuk bercucuk tanam tetapi berkat usaha gigih dan fikiran penduduk negara itu, bahan itu telah digunakan untuk bangunan dan ukiran untuk dijual dan akhirnya mereka kaya daripada jiran mereka yang mempunyai tanah yang lebih subur.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan rakyat tidaklah lagi boleh +hanya merenung dan menengok bulan, bintang dan matahari dan kemudian terus terlena tanpa berusaha apa-apa pun.+ -- LAGI
1421MST 03 08 85

MAHATHIR - AKAL 3 PULAU PINANG

Katanya, mereka hendaklah melihat bukan saja alam semesta yang dijadikan Tuhan untuk mereka tetapi hendaklah juga berfikir hikmah dibalik kejadian itu.

Perdana Menteri juga berkata, peluang-peluang seperti kemudahan dan modal yang diperolehi melalui desakan-desakan politik adalah bersifat sementara sahaja dan ia tidak memberi manfaat yang sebenar sekiranya rakyat sendiri tidak bersungguh-sungguh berusaha mendapatkannya.

Menurutnya, kerajaan memanglah mempunyai tanggungjawab membantu rakyat tetapi itupun bergantung kepada keupayaannya.

Turut hadir di dalam lawatan itu ialah Menteri Pertanian, Encik Anwar Ibrahim, Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu, Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Timbalan Menteri Pertanian, Dr. Goh Cheng Teik. -- BERNAMA
1422MST 03 08 85